



PENGURUS Besar Pengiklanan The New Straits Times Malaysia Berhad (NSTP), Roche Chew (dua dari kanan) bergambar bersama peserta pameran selepas sidang media Pameran Hartanah MyRumah 2019 di Hotel Grand Makmur.

TAWAR 1,437 UNIT HARTANAH

Penyertaan enam pemaju utama dengan sasaran pembeli, pelabur wilayah pantai timur

Oleh Sofyan Rizal Ishak
sofyan.rizal@hmetro.com.my

Pameran Hartanah MyRumah (MyRumah) anjuran The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) kembali untuk siri keempat bagi tahun ini di Kuantan City Mall bermula hari ini (20 September) hingga 22 September 2019.

Acara yang dianjurkan buat kali pertama di Kuantan itu menawarkan lebih 1,437 unit hartanah kediaman dan komersial dengan nilai pembangunan kasar (GDV) melebihi RM323.6 juta.

MyRumah Kuantan yang menyasarkan pembeli rumah dan pelabur hartanah di wilayah pantai timur Malaysia itu disertai enam pemaju utama yang

menawarkan hartanah pada harga bermula RM137,000 sehingga RM1.58 juta.

Pemaju yang turut serta dalam edisi kali ini adalah O&C Properties (Kuantan) Sdn Bhd, Konsortium Perumahan Rakyat Terengganu Sdn Bhd, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Perumahan Negara (JPN), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dan Uda Land (East) Sdn Bhd.

MyRumah Kuantan turut disertai tiga pihak bukan pemaju iaitu Amanah Raya Berhad, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Takaful Ikhlas.

Selain tawaran kediaman

daripada pelbagai pemaju, pengunjung juga berpeluang mencuba nasib dalam Cabutan Bertuah Utama dan sesi Cabutan Bertuah Pasport MyRumah yang turut diadakan sepanjang tiga hari terabit.

Pembeli yang layak juga berpeluang bagi mendapatkan manfaat daripada promosi menarik, diskaun dan rebat pembelian terutama daripada pemaju yang mengambil bahagian.

Acara yang mendapat sokongan KPKT dan mula dianjurkan pada 2016 itu sebelum ini berlangsung di Kuala Lumpur (Mac), Melaka (Julai) dan Johor Bahru (Ogos) serta akan berkunjung ke Shah Alam (Oktober) dan Ipoh (November).

Harga bermula RM120,000 pada edisi Kuantan

Pameran Hartanah MyRumah (MyRumah) edisi Kuantan menawarkan bakal pembeli pelbagai jenis kediaman dengan harga yang ditawarkan bermula dari RM120,000.

Antara projek yang disenaraikan adalah daripada Pelindung Heights merangkumi rumah berkembar dua tingkat berdekatan Teluk Cempedak, Kuantan dan ditawarkan pada harga bermula RM970,400.

Selain itu, The Coast, pejabat kedai strata di Kemaman, Terengganu (RM459,200); banglo setingkat (RM369,000) dan

rumah berkembar setingkat (RM285,000) di Taman Rakyat, Bukit Kuang, Kemaman.

MyRumah Kuantan turut menawarkan projek pembangunan bercampur dikenali PRIYA Penor yang terdiri daripada rumah teres (RM137,000) dan berkembar (RM177,000) di Penor, Pahang serta Anggun Kirana, rumah teres superlink tiga tingkat dengan pegangan bebas di Alam Nusantara, Shah Alam (RM1.58 juta).

Pengunjung juga berpeluang menyaksikan projek Marbella, rumah hyperlink 28 x 80 di

D'Kayangan, Shah Alam (RM1.12 juta) pembangunan fasa 3D, 3E dan 4B bagi perumahan bercampur dan kos rendah di Bukit Kuang, Kemaman serta pembangunan perumahan bercampur di Marang, Kuala Terengganu, Keroh dan Kuala Nerus, Terengganu.

JPN pula turut mempromosikan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta dengan insentif RM30,000 untuk pembeli rumah swasta kali pertama bergantung kepada kelayakan.

Dalam perkembangan sama, MyRumah Kuantan menawarkan pelbagai

maklumat menarik melalui sesi perkongsian dengan beberapa pakar hartanah seperti Azim Sulaiman yang berkongsi petua untuk melabur dengan baik dalam hartanah pada hari kedua (21 September 2019).

Seorang lagi pakar hartanah, Ieza Yusof juga akan membincangkan mengenai strategi dalam mencapai kebebasan kewangan pada hari sama.

Pada hari ketiga, Aziz Ahmad akan membincangkan mengenai potensi hartanah di Pahang, manakala Vince Chia akan berkongsi mengenai

cara memaksimumkan pinjaman perumahan. MyRumah adalah platform sehati untuk rundingan hartanah dan pembelian rumah serta turut menyediakan maklumat dan pandangan mengenai perkara perlu dan tidak perlu dalam pembelian rumah.

Ia menawarkan konsep 4E iaitu pendidikan, pameran, persekitaran dan pengalaman sebagai langkah untuk meningkatkan lagi pembabit dan kebiasaan pelawat dengan pameran hartanah utama di negara ini.